

**KEGANASAN KOMUNIS DAN KESANNYA PADA ZAMAN DARURAT 1948-1960
DI DAERAH HULU LANGAT SELANGOR.**

ROSLAN BIN MUHAMAD

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK IJAZAH SARJANA
SASTERA**

(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

2015

ABSTRAK

Tesis ini merupakan kajian tentang Keganasan Komunis dan Kesannya Pada Zaman Darurat 1948-1960 Di Daerah Hulu Langat, Selangor. Daerah Hulu Langat merupakan sebuah daerah yang menjadi tumpuan komunis ketika zaman darurat. Komunis menjadikan estet-estet di Hulu Langat sebagai tempat gerakan serangan mereka terhadap kerajaan British. Komunis melakukan pelbagai bentuk keganasan dan kekejaman yang bersifat tidak kolektif terhadap penduduk Hulu Langat dalam usaha melakukan kekacauan dan menimbulkan suasana yang tidak aman serta melemahkan kedudukan ekonomi British di Hulu Langat. Pengkajian dilakukan bertujuan untuk melihat sejauh manakah ancaman keganasan yang bersifat tidak kolektif dan kesan daripada keganasan yang bersifat tidak kolektif ini terhadap penduduk Hulu Langat pada zaman Darurat. Pengkajian juga membincangkan faktor-faktor kepimpinan, aset persenjataan, kekuatan keanggotaan dan reaksi pihak kerajaan yang menyumbang kepada keganasan yang dilakukan di Hulu Langat. Kajian ini menggunakan sumber primer iaitu dokumen-dokumen rasmi kerajaan, orang perseorangan dan dokumen lain sebagai kaedah pentafsiran pemerolehan dapatan. Di samping itu juga, penulis menggunakan sumber sekunder menerusi hasil penulisan penyelidikan yang lepas berdasarkan buku-buku sejarah, akhbar dan kertas kerja yang berkaitan. Dalam usaha memantapkan hasil kajian, penulis juga menggunakan sumber lisan untuk mendapatkan bukti-bukti yang sahih. Pengkajian penyelidikan ini membuktikan bahawa keganasan dan kekejaman komunis yang bersifat tidak kolektif terhadap penduduk Hulu Langat khususnya pekerja-pekerja estet getah dan lombong-lombong bijih timah telah menjadikan kehidupan masyarakat ketika itu dalam ketakutan dan ternyata komunis berjaya mewujudkan keadaan yang huru-hara seterusnya menganggu gugat sosio ekonomi British ketika itu. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa keganasan dan kekejaman komunis yang bersifat tidak kolektif terhadap masyarakat dan kemusnahan infrastruktur telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap masyarakat dan kerajaan British di Hulu Langat sepanjang tempoh Darurat.

THE COMMUNIST VIOLENCE AND ITS IMPACT ON THE EMERGENCY PERIOD 1948 – 1960 IN HULU LANGAT DISTRICT, SELANGOR.

ABSTRACT

This thesis presents the study regarding the Communist violence and its impact on emergency period 1948-1960 in Hulu Langat District, Selangor. Hulu Langat District is a district where the Communist has focused on during the emergency period. The Communist made the estates in Hulu Langat as their attack movement location against the British government. The Communists did various forms of non-collective violence and atrocities towards civilians of Hulu Langat in order to cause chaos and create unsafe environment as well as to weaken the British economic position in Hulu Langat. This study was conducted to see the extent of the non-collective violence threat and the impact of this non-collective violence towards the people of Hulu Langat during the emergency period. This study also discussed the factors such as leadership, weaponry assets, membership strength and government's reaction that contribute to violence committed in Hulu Langat. This study used primary resources which consisted of official documents of the government, individuals and other documents as method to interpret the findings. In addition, the author used secondary resources from previous research writings which based on related history books, newspapers and proceedings. In order to reinforce the results of the study, the author also used oral resources to obtain the authentic evidences. This research proved that the Communist non-collective violence and atrocities towards the civilians of Hulu Langat, especially rubber estate and tin mines workers, have turned the people's lives into fear and the Communists succeeded in creating a chaotic situation and hence disturbed the then British socioeconomic. The findings of this study proved that the Communist non-collective violence and brutality towards the civilians and destruction of infrastructures has left deep impression to the people and the British government in Hulu Langat during the emergency period.

KANDUNGAN

Muka Surat**HALAMAN JUDUL**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK DALAM BAHASA MELAYU	iv
ABSTRAK DALAM BAHASA INGGERIS	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI PETA	xiii
SENARAI GAMBAR	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Kajian Lepas	7
1.5 Metodologi Kajian	17

1.5.1	Sumber Primer / Sumber Lisan	18
1.5.2	Sumber Sekunder / Sumber Perpustakaan	19
1.6	Pembahagian Bab	20
1.7	Definisi Komunis	22
1.8	Definisi Darurat	24
1.9	Definisi Keganasan	29

BAB 2 LATAR BELAKANG PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) / DARURAT

2.1	Pendahuluan	33
2.2	Latar Belakang Daerah Hulu Langat	43
2.5	Perkembangan Komunis Malaya (PKM) Di Tanah Melayu	54
2.5.1	Perkembangan Antara Tahun 1930-1941	54
2.5.2	Perkembangan Antara Tahun 1941-1945	56
2.5.3	Perkembangan Antara Tahun 1945-1948	60
2.6	Darurat Di Tanah Melayu Secara Umum	69
2.7	Darurat Di Selangor Secara Umum	75

BAB 3 KEGANASAN KOMUNIS DI HULU LANGAT

3.1	Pendahuluan	82
3.2	Pembunuhan	87

3.2.1	Pembunuhan Terhadap Orang Cina	88
3.2.2	Pembunuhan Terhadap Orang Melayu	96
3.2.3	Pembunuhan Terhadap Bangsa Lain	101
3.3	Serangan Dan Penculikan	104
3.4	Gangguan Dan Sabotaj	111

BAB 4 KESAN KEGANASAN KOMUNIS DI HULU LANGAT

4.1	Pendahuluan	116
4.2	Kesan Sosial	117
4.2.1	Ketegangan Hubungan Kaum	117
4.2.2	Prasangka Perkauman	123
4.2.3	Petempatan Kaum Berasingan	124
4.2.4	Ketaatsetiaan Dipertikai	126
4.2.5	Kehidupan Tidak Selamat	128
4.3	Kesan Politik	136
4.3.1	Hak Berpolitik Dan Kewarganegaraan	136
4.3.2	Mempercepatkan Kemerdekaan	139
4.3.3	Penempatan Semula Dan Kampung Baru	142
4.3.3.1	Kampung Baru Batu 14 Hulu Langat	151
4.3.3.2	Kampung Baru Batu 18 Hulu Langat	153
4.3.3.3	Kampung Baru Balakong	154
4.3.3.4	Kampung Baru Sungai Chua	155
4.3.3.5	Kampung Baru Semenyih	157

4.3.3.6	Kampung Baru Broga	161
4.3.3.7	Kampung Baru Dengkil	162
4.3.3.8	Kampung Baru Batu 9 Cheras	163
4.3.3.9	Kampung Baru Batu 11 Cheras	163
4.3.3.10	Kampung Baru Bangi	164
4.4	Kesan Ekonomi	165
4.4.1	Ekonomi Lumpuh	166
4.4.2	Sumber Pendapatan Terjejas	171
4.4.3	Perbelanjaan Meningkat / Kos Kehidupan Meningkat	173
4.4.4	Kekurangan Bekalan Makanan	178
4.5	Kesan Daripada Tindakan Kerajaan	180

BAB 5 ANALISIS KEGANASAN KOMUNIS

5.1	Pendahuluan	185
-----	-------------	-----

BAB 6 KESIMPULAN

6.1	Rumusan	208
-----	---------	-----

RUJUKAN

229

LAMPIRAN

237

Lampiran A

237

Lampiran B


246

Lampiran C

250

Lampiran D

275



SENARAI JADUAL

Jadual

muka surat

2.1	Pembahagian Kampung di Hulu Langat Mengikut Mukim.	44
2.2	18 Orang Penduduk Kampung Jenderam yang Memilih Jalan Masuk ke Hutan.	49
2.3	Cawangan dan Ranting KMT di Tanah Melayu dan Singapura Pada Tahun 1924.	53
2.4	Kawasan Yang Terlibat Dengan Undang-Undang 10A di Hulu Langat.	79
4.1	Senarai Kampung Baru Dengan Anggaran Penduduk Di Negeri Selangor Pada Tahun 1955.	150
4.2	Nama Pegawai dan Kedudukan Pangkat Home Guard di Daerah Hulu Langat.	175
4.3	Jumlah Bekalan Mengikut Peraturan (Sekatan Peredaran Makanan) Bagi Setiap Individu di Daerah Hulu Langat.	180
5.1	Jumlah Kes Pembunuhan Oleh Komunis Mengikut Kaum 1948-1955 di Daerah Hulu Langat.	188
5.2	Kekerapan Kes Serangan dan Sabotaj Yang Dilakukan Oleh Komunis Di Hulu Langat Pada Tahun 1948-1960.	191
5.3	Jumlah Kes Pembunuhan Dan Penangkapan Komunis Pada Tahun 1948-1955 di Daerah Hulu Langat.	194
5.4	Kawasan Tumpuan Dan Kekerapan Serangan Komunis di Daerah Hulu Langat Sepanjang Tempoh Darurat.	197
5.5	Organisasi Pengganas Komunis - Jumlah Kekuatan Parti Komunis Malaya (PKM) mengikut negeri 1947-1960	204

SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat	
2.1	Organisasi <i>Malayan Races Liberation Army</i> (MRLA) 1951	38
5.1	Peratusan Pembunuhan oleh Komunis Mengikut Kaum Pada Tahun 1948-1955 di Daerah Hulu Langat.	190
5.2	Jumlah Kematian dan Tangkapan Komunis di Hulu Langat Tahun 1948-1952.	196

SENARAI PETA

Peta

muka surat

5.1 Kawasan yang dikuasai PKM di daerah Hulu Langat

201

SENARAI GAMBAR

Gambar

muka surat

4.1	Ketua Komunis Melayu, Abdul Manan Yang Ditembak Pada Februari 1952	146
4.2	Papan Tanda Kampung Baru Batu 14 Hulu Langat	152
4.3	Papan Tanda Kampung Baru Balakong	154
4.4	Demonstrasi Anti-Komunis Penduduk Semenyih	160

SENARAI SINGKATAN

AMCJA	-	<i>All Malayan Council of Joint Action</i>
AWAS	-	Angkatan Wanita Sedar
ARATGLU	-	<i>All Races, All Trades General Labour Union</i>
BMA	-	<i>British Military Administration</i>
BATAS	-	Barisan Tani Malaya
Comintern	-	<i>Communist International</i>
GLU	-	<i>General Labour Union</i>
INA	-	<i>Indian National Army</i>
KMT	-	Kuomintang
MCA	-	<i>Malayan Chinese Association</i>
MDU	-	<i>Malayan Democratic Union</i>
MIC	-	<i>Malayan Indian Congress</i>
MNLA	-	<i>Malayan National Liberation Army</i>
MRLA	-	<i>Malayan Races Liberation Army</i>
MPABA	-	<i>Malayan People's Anti-British Army</i>
MPAJA	-	<i>Malayan People's Anti-Japanese Army</i>
MPAJESCA	-	<i>Malayan People's Anti-Japanese Ex-Services Comrades Association</i>
MPAJU	-	<i>Malayan People's Anti-Japanese Union</i>
NDYL	-	<i>New Democratic Youth League</i>
PETA	-	Pembela Tanah Air
PKC	-	Parti Komunis China
PKM	-	Parti Komunis Malaya
PKMM	-	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PMGLU	-	<i>Pan-Malayan General Labour Union</i>

PMFTU	-	<i>Pan-Malayan Federation of Trade Union</i>
PUTERA	-	Pusat Tenaga Rakyat
SC	-	<i>Speacial Constable</i>
UMNO	-	<i>United Malays Nation Organization</i>



LAMPIRAN

Lampiran		muka
surat		
A1	Peta Malaya 1948 MCP dan KMT CO 537/3688	238
A2 & A3	Peta Persempadanan Hulu Langat	239
A4	SC 50727 Ahmid bin Kordi Profesor Madya Dr. Salleh bin Lamri	241
A5	Gambar Penduduk Jenderam Ketika Darurat	242
A6	Gambar Pengganas Komunis Yang dibunuuh Dan ditangkap di Kajang	243
A7	Demonstrasi Anti-Komunis Penduduk Semenyih dan Serdang Bharu	244
A8	Sijil berhenti berkhidmat sebagai SC milik SC 50727 Ahmid bin Kordi	245
A9	Surat Penghargaan Daripada Kerajaan Malaysia kepada SC50727 Ahmid bin Kordi dan Kad <i>Home Guard</i> Milik Kassim bin Palil	246
B1	Keratan Akhbar <i>News Straits Times</i> dan <i>The Malay Mail</i> 12 dan 13 Julai 1948	248
C1	Laporan Polis Bulanan (<i>Monthly Report 1948 – 1951</i>)	251
D1	CO 1022/187 <i>MCP Document</i>	276
D2	CO.717/167/52849/49	277
D3	CO.717/173/52849/49	278
D4	CO 717/175/52849/22/49	279
D5	CO 717/178/52849	280
D6	CO 717/178/52849	281
D7	CO 717/200/52849/22	283

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tesis ini akan memaparkan perkembangan dan keganasan komunis yang berlaku di daerah Hulu Langat dalam negeri Selangor bermula 1948 hingga tahun 1960 iaitu pada zaman Darurat. Komunis dan Darurat membawa pengertian yang berbeza dan sesuatu yang berlainan. Komunis diistilahkan sebagai orang atau golongan yang menganut atau mengamalkan fahaman komunisme iaitu fahaman politik yang ingin menjadikan faktor pengeluaran dan barang-barang pengguna milik negara atau milik bersama rakyat.¹ Manakala Darurat pula merupakan keadaan yang mencemaskan atau menyusahkan yang pada kebiasaanya berlaku secara tiba-tiba atau tidak disangka-sangka. Kesukaran yang timbul tidak disangka-sangka seperti bahaya, kekurangan makanan dan sebagainya. Keadaan yang serba sulit iaitu huru-hara atau tidak aman yang disebabkan oleh ancaman musuh atau perperangan.² Manakala keganasan pula membawa maksud sesuatu yang berkaitan perihal ganas, kebuasan dan kegarangan tanpa menghiraukan undang-undang

¹ Kamus Dewan Edisi Keempat.2005.Kuala Lumpur.Dewan Bahasa dan Pustaka.hal 812.

yang ada oleh seseorang atau kumpulan manusia secara terancang terhadap manusia atau harta benda dengan tujuan untuk menakut-nakutkan atau memaksa sesuatu kaum atau negara demi memperjuangkan idologi atau kuasa politik masing-masing.³ Namun begitu, dalam aspek keganasan yang dicetuskan oleh komunis menerusi PKM ini, boleh dikelaskan kepada dua bentuk iaitu keganasan yang bersifat kolektif dan keganasan yang tidak bersifat kolektif. Keganasan bersifat kolektif membawa maksud keganasan yang dilakukan adalah secara berpasukan dan menerima arahan daripada pucuk pemimpin tertinggi untuk berbuat demikian. Manakala keganasan yang tidak bersifat kolektif ialah keganasan yang dilakukan secara tidak mendapat arahan daripada mana-mana pemimpin pusat dan lebih bersifat individu sama ada keganasan itu dilakukan sebagai satu tindakan luar normal termasuk dalam keadaan terdesak dan keganasan yang terpaksa dilakukan dalam menuntut sesuatu akibat daripada tekanan yang diberikan oleh pihak pemerintah. Dalam penulisan tesis ini, keganasan yang ingin ditonjolkan ialah keganasan yang tidak bersifat kolektif oleh anggota PKM.

Justifikasi kajian ini adalah kerana dalam tempoh ini merupakan tempoh kemuncak keganasan komunis yang melanda di seluruh negara termasuklah di daerah Hulu Langat. Selain daripada itu penyelidikan ini juga akan membincangkan tentang kesan keganasan yang tidak bersifat kolektif komunis terhadap penduduk di daerah Hulu Langat ketika menghadapi ancaman komunis dalam tempoh Darurat ini.

³ <http://prpm.dbp.gov.my/keganasan>

Oleh yang demikian, penyelidikan Darurat di daerah ini adalah penting untuk menyelami dan membongkar keganasan tidak kolektif yang dicetuskan serta kesulitan penduduk dalam menghadapi ancaman ini, dengan kata lain penekanan akan diberikan kepada penyelidikan ini ialah berkaitan kekacauan dan keganasan yang dicetuskan serta kesan yang ditanggung oleh masyarakat setempat ketika tragedi hitam ini. Seterusnya penyelidikan ini juga akan membincangkan perkembangan komunis di daerah ini yang menyemarakkan lagi dendam masyarakat setempat terhadap komunis di kawasan ini yang membawa kepada penentangan terhadap komunis. Penyelidikan ini juga akan membongkar tempat-tempat yang menjadi tumpuan pergerakan komunis dan kawasan yang tercetusnya pergolakan.

Selain daripada penekanan yang telah dinyatakan di atas, penyelidikan ini akan memuatkan kesan-kesan daripada ancaman komunis terhadap masyarakat di Hulu Langat terutamanya kesan-kesan dari segi politik, sosial dan ekonomi masyarakat setempat.

1.2 Permasalahan Kajian

Zaman Darurat merupakan satu episod yang penting dalam sejarah Malaysia.⁴ Komunis dan Darurat merupakan dua elemen yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu sama

⁴ Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960 Keadaan Sosial Di Tanah Melayu*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Hal. xiii.

lain. Daripada ancaman komunislah menyebabkan termaktubnya akta Darurat 1948-1960. Dengan kata lain, Komunis dan Darurat merupakan sejarah yang saling berkait antara satu sama lain di negara kita. Sepanjang era Darurat di Tanah Melayu pada tahun 1948-1960, merupakan tahap kemuncak keganasan yang dilakukan oleh pihak komunis khususnya di Hulu Langat. Menyentuh kepada keganasan komunis di Hulu Langat Selangor pada era Darurat, penyelidik mengkategorikan keganasan ini kepada dua aspek utama iaitu aspek keganasan bersifat kolektif dan aspek keganasan yang tidak bersifat kolektif. Dalam permasalahan kajian ini, penyelidik mendapati keganasan yang dilakukan di daerah Hulu Langat Selangor adalah keganasan dari aspek tidak bersifat kolektif sebagai lebih dominan jika dibandingkan dengan aspek keganasan bersifat kolektif. Justeru itu, penyelidik ingin melihat sejauhmanakah aspek keganasan yang tidak bersifat kolektif dicetuskan oleh pihak komunis memberikan kesan yang besar terhadap politik, sosial dan ekonomi serta mengubah sosio ekonomi masyarakat di Hulu Langat sepanjang tempoh Darurat. Namun begitu permasalahan kajian ini akan ada perbandingan dengan faktor lain yang menjurus kepada wujudnya keganasan di Hulu Langat. Perbandingan ini merangkumi faktor kepimpinan, tindakbalas kerajaan, dendam, aset persenjataan dan juga kekuatan keanggotaan PKM di Selangor itu sendiri.

Banyak kajian sebelum ini tentang komunis dan Darurat di Tanah Melayu. Kajian seperti *Darurat 1948-1960 : Keadaan Sosial Di Tanah Melayu*, Ho Hui Ling, 2004, menggambarkan dan membincangkan berkaitan kehidupan penduduk, hubungan antara kaum, pendidikan dan kemudahan asas. Empat perkara asas ini merupakan aspek sosial yang menjadi fokus perbincangan. Kesukaran kehidupan dan keadaan yang tidak terjamin

merupakan keperitan ketika zaman Darurat. Keadaan sebegini adalah berpunca daripada keganasan komunis. Selain daripada itu juga, buku *Pembanterasan Komunis Di Tanah Melayu* juga berkisar kepada aktiviti komunis pada zaman Darurat. Buku ini mengupas usaha-usaha yang diambil oleh pihak kerajaan, baik kerajaan British mahupun kerajaan Persekutuan dalam membanteras gerakan komunis di Tanah Melayu ketika zaman Darurat (1948-1960). Pada masa sama, buku ini juga menilai keberkesanan usaha kerajaan dalam membanteras komunis dan memulihkan keamanan di Tanah Melayu menerusi beberapa tahap. Daripada dua penulisan di atas, penulis jelas membincangkan mengenai keganasan yang bersifat kolektif yang menyeluruh di Tanah Melayu.

Permasalahan kajian mengenai sejauhmanakah keganasan yang tidak bersifat kolektif terhadap masyarakat Hulu Langat akan menjurus kepada bentuk-bentuk ancaman dan keganasan yang dicetuskan oleh komunis kepada penduduk sepanjang tempoh perkembangan Darurat. Di samping itu juga keganasan bersifat tidak kolektif ini akan memperlihatkan sasaran utama kekejaman dan keganasan komunis serta kesan-kesan yang lahir daripada keganasan komunis dan yang lahir daripada tindakan kerajaan dalam menangani keganasan terutama dari segi sosial, politik dan ekonomi serta reaksi dari pihak pemerintah.

1.3 Objektif Kajian

Setiap penyelidikan yang dilakukan mempunyai objektifnya yang tersendiri. Kajian dan penyelidikan ini bertujuan untuk mendedahkan tempat-tempat yang dianggap sebagai tempat penumpuan komunis serta kesannya ekoran tercetusnya Darurat di daerah kajian.

Objektif-objektif yang akan dicapai ialah:

- Memperlihatkan bentuk-bentuk ancaman dan keganasan yang dicetuskan oleh komunis kepada penduduk sepanjang tempoh perkembangan Darurat di daerah Hulu Langat ketika itu.
- Memperlihatkan sasaran utama kekejaman dan keganasan komunis terhadap masyarakat di Hulu Langat tanpa mengira kaum, kedudukan serta jantina.
- Mengetahui kesan-kesan yang lahir daripada keganasan komunis dan yang lahir daripada tindakan kerajaan dalam menangani keganasan terutama dari segi sosial, politik dan ekonomi Hulu Langat ekoran daripada tercetusnya Darurat.

Berdasarkan kepada objektif-objektif yang hendak dicapai ini, adalah diharapkan hasil penyelidikan ini dapat memaparkan kebenaran dan ketulenan sejarah perjuangan masyarakat setempat dan anggota polis dalam menyelamatkan negara daripada ancaman komunis.

1.4 Kajian Lepas

Tidak ditemui lagi satu kajian khusus yang menjurus kepada daerah-daerah tertentu di negeri Selangor. Justeru itu pengkaji mengambil keputusan untuk mengkaji lebih terperinci mengenai tajuk ini. Dalam mengkaji tajuk Darurat ini terdapat beberapa buah buku dan kajian ilmiah yang menyentuh mengenai Darurat 1948-1960 sama ada yang ditulis secara langsung atau secara tidak langsung.

Dalam buku *Darurat 1948-1960 : Keadaan Sosial Di Tanah Melayu*, Buku terbitan Universiti Malaya pada tahun 2004 ini ditulis oleh Ho Hui Ling. Ho Hui Ling menggambarkan dan membincangkan berkaitan kehidupan penduduk, hubungan antara kaum, pendidikan dan kemudahan asas. Empat perkara asas ini merupakan aspek sosial yang menjadi fokus perbincangan. Kesukaran kehidupan dan keadaan yang tidak terjamin merupakan keperitan ketika zaman Darurat. Keadaan sebegini adalah berpunca daripada keganasan komunis. Ho Hui Ling juga menyentuh sedikit sebanyak mengenai tindakan kerajaan dalam menangani keganasan komunis. Turut disentuh dalam buku ini ialah keadaan hubungan kaum di Tanah Melayu pada zaman tersebut. Selain itu keadaan sekolah, pelajar dan dasar pendidikan pada zaman Darurat juga diteliti. Perbincangan seterusnya ditumpukan kepada sabotaj dan gangguan komunis terhadap kemudahan asas di Tanah Melayu. Zaman ini memperlihatkan banyak masalah, kesusahan, kerosakan, kemusnahan, gangguan, ketidakstabilan hidup, penderitaan dan pengorbanan.⁵

⁵ Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960 Keadaan Sosial Di Tanah Melayu*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011

Dalam satu lagi buku karangan *Ho Hui Ling* yang bertajuk *Pembanterasan Komunis Di Tanah Melayu* juga berkisar kepada aktiviti keganasan komunis pada zaman Darurat. Buku ini menghuraikan peranan dan usaha-usaha yang diambil oleh pihak kerajaan. Kerajaan yang dimaksudkan ialah kerajaan British dan kerajaan Persekutuan dalam membanteras gerakan komunis di Tanah Melayu ketika zaman Darurat (1948-1960). Dalam pada itu juga, buku ini mengkaji dan menilai keberkesanan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan dalam usaha membanteras komunis dan memulihkan keamanan di Tanah Melayu. Perbincangan terhadap usaha kerajaan itu dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu tahap permulaan, tahap pengukuhan dan tahap penghapusan. Tahap permulaan (1948-1951) ialah ketika kerajaan merancang dasar dan mengambil langkah permulaan bagi mengawal keadaan Darurat di Tanah Melayu. Peringkat ini bermula dengan pengisytiharan Undang-Undang Darurat oleh Sir Edward Gent sehingga pembunuhan Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Henry Gurney oleh komunis pada Oktober 1951.

Tahap pengukuhan (1952-1954) dalam usaha kerajaan membanteras komunis bermula dengan pelantikan Sir Gerald Templer sebagai Pesuruhjaya Tinggi British dan tahap ini berakhir dengan Templer meninggalkan Tanah Melayu setelah tamat tempoh perkhidmatannya pada pertengahan tahun 1954. Tahap kedua ini menyaksikan kejayaan usaha kerajaan dalam melemahkan pergerakan komunis dan memenangi sokongan penduduk kepada kerajaan.

Tahap ketiga yang dikenali dengan tahap penghapusan (1954-1960) pula memperlihatkan langkah membanteras komunis yang masih bergerak aktif di Tanah Melayu di bawah kelolaan Sir Donald MacGillivray selaku Pesuruhjaya Tinggi British sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Pentadbiran negara seterusnya diambil alih oleh kerajaan Persekutuan dan usaha pembanterasan komunis terus dijalankan sehingga berakhirnya zaman Darurat diisytiharkan pada 31 Julai 1960.⁶ Usaha-usaha kerajaan tersebut sama ada dari segi politik, ketenteraan, sosial maupun psikologi akhirnya telah dapat memenangi sokongan penduduk dan melemahkan pergerakan komunis sehingga saki baki komunis terpaksa berundur ke kawasan sempadan Thailand.

Dalam satu lagi buku yang berkaitan dengan Darurat dan komunis ialah buku *The Communist Struggle In Malaya* hasil tulisan Gene Z. Hanrahan, yang diterbitkan oleh Universiti Malaya pada tahun 1979. Buku ini membincangkan mengenai sejarah asal-usul fahaman komunisme di Tanah Melayu, perkembangan PKM di Tanah Melayu serta strategi dan taktik yang digunakan PKM dalam perjuangannya di Tanah Melayu. Buku ini juga menyentuh mengenai MPAJA dan kegiatan semasa Perang Dunia Kedua, perjuangan revolusioner selepas perang 1924 - 1943. Tumpuan khas diberikan kepada doktrin revolusioner dan kebiasaan PKM antaranya pemberontakan bersenjata, teknik revolusioner, keterlibatan dalam kesatuan sekerta dan pemberontakan gerila.

Satu lagi kajian mengenai komunis dan Darurat ialah buku *Counter-Insurgency Operations : I Malaya And Borneo* hasil tulisan E.D Smith yang diterbitkan oleh Ian

⁶ Ho Hui Ling,*Pembanterasan Komunis Di Tanah Melayu*,Universiti Malaya,Kuala Lumpur,2010